

300,000 PENJAWAT AWAM TIADA RUMAH

Syor bina rumah bawah RM150,000

➔ CUEPACS minta kerajaan pertimbangkan peruntukan khas dalam Bajet 2018 bantu golongan miliki kediaman

Oleh Nazura Ngah dan Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kira-kira 50 peratus daripada 600,000 hingga 650,000 penjawat awam bergaji bawah RM3,000 sebulan masih belum memiliki rumah sendiri.

Pendedahan itu dibuat Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) selepas melakukan kaji selidik secara rawak membabitkan golongan berkenaan, baru-baru ini.

Berikutan itu, kesatuan berkenaan mahu kerajaan mempertimbangkan peruntukan khas dalam Bajet 2018 bagi membina rumah mampu milik untuk manfaat kira-kira 300,000 penjawat awam terbabit.

Presidennya, Datuk Azih Muda, berkata ketika ini golongan berkenaan yang dikategorikan sebagai

Kumpulan Pelaksana Kedua hanya boleh membuat pinjaman sehingga RM200,000.

Tak mampu buat pembiayaan

Bagaimanapun, katanya, dengan gaji di bawah RM3,000 menyebabkan mereka tidak mampu membuat pembiayaan itu walaupun dibenarkan potongan gaji sehingga 60 peratus untuk membayar mana-mana pinjaman.

Beliau juga mengesyorkan golongan itu dibenarkan membeli rumah pada harga bawah RM150,000.

"Jika harga rumah lebih tinggi daripada RM150,000 kita cadang kerajaan menggunakan peruntukan khas itu untuk memberi diskaun untuk mengurangkan hutang yang perlu ditanggung kakitangan awam bawah itu," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Azih berkata, cadangan sama sudah dikemukakan kepada Pejabat

Belanjawan Negara di Kementerian Kewangan dalam pertemuan hampir sejam di Kementerian itu, pagi semalam.

"Idea pembinaan atau pembelian rumah bawah RM150,000 timbul selepas soal selidik secara rawak dalam kalangan penjawat awam bergaji bulanan bawah RM3,000 dibuat CUEPACS, baru-baru ini. Kajian itu mendapati wujud keperluan mendesak untuk kelompok berkenaan memiliki rumah sendiri.

"Kami berharap kerajaan dapat memberi pertimbangan serius dalam Bajet 2018 yang akan dibentangkan Perdana Menteri pada Oktober depan.

"Sebelum ini kerajaan ada membina rumah bernilai antara RM150,000 hingga RM300,000 untuk penjawat awam, namun kebanyakan mereka gagal memiliki rumah berkenaan," katanya.

Mengulas lanjut, Azih berkata, CUEPACS yakin Datuk Seri Najib

Razak akan memberi pertimbangan sewajarnya dalam penyediaan peruntukan khas untuk tujuan itu kerana beliau sentiasa prihatin isu pemilikan rumah untuk rakyat.

Beliau mengakui ada projek perumahan berkonsepkan sewa beli dibangunkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, namun CUEPACS berpendapat projek itu lebih sesuai untuk ditawarkan kepada orang ramai yang bukan penjawat awam.

"CUEPACS berharap projek khusus dibangunkan untuk penjawat awam bergaji rendah bagi mengurangkan kebergantungan mereka kepada projek perumahan mampu milik dibangunkan pemaju swasta," katanya.

Mengulas pertemuan wakil CUEPACS dengan Perdana Menteri, Azih berkata, pihaknya masih menunggu tarikh daripada Pejabat Perdana Menteri.

Reaksi



Selepas tolak ansuran kereta, belanja harian dan bayar pinjaman PTPTN, kadang-kadang baki hujung bulan kami suami isteri, negatif. Macam mana saya nak beli rumah?"

Maslina Saimin,
Penjawat awam



Saya teringin miliki rumah sendiri supaya anak lebih selesa, tetapi masih belum mampu. Saya pernah kemukakan permohonan untuk PR1MA tetapi harganya terlampau mahal untuk golongan kurang mampu"

Ain Munira Johari,
Kakitangan Kementerian Kerja Raya



Saya sudah jemu mencari rumah yang menepati kelayakan gaji dan mampu membayar ansuran bulanan. Sebelum ini, saya turun naik ke pejabat DBKL untuk mohon satu unit rumah, tetapi gagal"

Jauhariah Mohammed Salleh,
Guru KAEA di bawah JAKIM

Gaji kecil punca tak mampu beli kediaman

Kuala Lumpur: Kesempitan hidup di ibu kota menyebabkan rata-rata penjawat awam kumpulan pelaksana dengan gaji bulanan di bawah RM3,000 masih menyewa dan tidak mampu membeli rumah sendiri.

Selain itu, ada penjawat awam mengakui harga rumah yang terlampau mahal, kawasan perumahan jauh dari tempat kerja dan syarat membeli rumah ketat menyebabkan mereka terpaksa menyewa di ibu kota.

Penjawat awam di Putrajaya, Maslina Saimin, 31, mengakui bukan sahaja tidak mampu mempunyai rumah tetapi turut kesempitan wang setiap hujung bulan. "Perbelanjaan harian sentiasa

meningkat. Saya terpaksa hantar dua anak ke pusat asuhan dengan bayaran sekitar RM600 sebulan. Tidak termasuk belanja membeli susu, lampin pakai buang dan makanan anak.

"Selepas tolak ansuran kereta, belanja harian dan bayaran pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), kadang-kadang baki hujung bulan kami suami isteri, negatif. Macam mana saya nak beli rumah," katanya.

Maslina kini tinggal di kuarters kerajaan di Precint 8, Putrajaya.

Masalah sama turut menghimpit kakitangan Kementerian Kerja Raya, Ain Munira Johari, 29, yang masih bergelut membeli sebuah

rumah selepas lapan tahun bekerja.

Tanggungjawab besar

Katanya, beliau dan suami tidak mampu membeli rumah buat masa ini kerana pendapatan kecil dan mempunyai tanggungan besar.

"Saya teringin miliki rumah sendiri supaya anak lebih selesa tetapi masih belum mampu. Saya pernah mengemukakan permohonan untuk rumah 1Malaysia (PR1MA) tetapi harganya terlampau mahal untuk golongan kurang mampu.

"Bayangkan satu projek perumahan harganya sekitar RM300,000," katanya yang juga tinggal di kuarters kerajaan di Putrajaya.

Sementara itu, guru Kelas AL-

Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di bawah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Jauhariah Mohammed Salleh, 32, turut mengakui masih tidak mampu membeli rumah selepas tiga tahun berkahwin.

Katanya, beliau dan suami juga terpaksa tinggal berjauhan kerana tidak mampu tinggal serumah di Kuala Lumpur, untuk menjimatkan kos belanja harian.

"Sebenarnya saya sudah jemu mencari rumah yang menepati kelayakan gaji dan mampu membayar ansuran bulanan. Sebelum ini, saya turun naik ke pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memohon satu unit rumah, tetapi gagal.

"Saya dimaklumkan, ramai yang sudah memohon sebelum saya, belum mendapat rumah dan terpaksa menunggu sekurang-kurangnya beberapa tahun lagi," katanya ketika ditemui di rumah sewanya di Pantai Dalam, di sini.

Syarat di luar kemampuan

Ketika ditanya mengenai projek perumahan disediakan kerajaan, Jauhariah berkata, ada sesetengah projek mengenakan syarat di luar kemampuannya yang bergaji RM1,400 sebulan, manakala suami tidak berpendapatan tetap.

Jauhariah merancang pulang ke kampung di Pantai Timur, hujung tahun ini jika gagal keluar daripada kemelut hidup di ibu kota.